

MPC.600-7/3/95 (ECR)

18 Mac 2021

BMPRO Solutions  
No 18A, Jalan Jimat 25/87,  
Seksyen 25 Tamn Sri Muda,  
40400 Shah Alam,  
Selangor  
(U.P : Tuan Haji Kamaruzaman Bin Jahidin)

Tuan Haji,

**JEMPUTAN SEBAGAI PENCERAMAH SESI WEBINAR: PENDIGITALAN  
MENINGKATKAN PRESTASI SYARIKAT PADA 15 APRIL 2021**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa MPC Wilayah Pantai Timur bercadang untuk mengadakan sesi webinar sebagaimana berikut :

**Tajuk : Pendigitalan Meningkatkan Prestasi Syarikat**  
**Tarikh : 15 April 2021 (Khamis)**  
**Platform : ZOOM Webinar (akan dimaklumkan kemudian)**  
**Masa : 10.00 pagi – 11.00 pagi**  
**Program : lampiran A**

3. Objektif sesi webinar ini diadakan adalah untuk:

- Mewujudkan kesedaran tentang transformasi digital masa kini
- Menggalakkan penggunaan teknologi digital dalam operasi perniagaan bagi meningkatkan prestasi syarikat

4. Sehubungan itu, MPC Wilayah Pantai Timur ingin menjemput tuan menyampaikan kertas kerja bertajuk seperti di atas. Tempoh masa yang dicadangkan adalah sekitar 1 jam untuk sesi pembentangan dan sesi soal jawab. Sebagai tanda penghargaan dan terima kasih, MPC akan memberi honorarium setelah program selesai.

5. Disertakan bersama surat ini borang persetujuan sebagai penceramah untuk dilengkapkan oleh tuan dan dikembalikan kepada pihak kami selewat-lewatnya pada **29 Mac 2021 (Isnin)**.

6. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, tuan boleh menghubungi Ybrs Dr. Faridah binti Taju Rahim di talian 09-5131788/013-9691712 atau melalui emel beralamat: faridah\_tr@mpc.gov.my.

7. Segala kerjasama tuan untuk menjayakan perlaksanaan program ini amatlah dihargai dan kami ingin mengucapkan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD AZWAN MOHD SALLEH)**  
Pengarah Wilayah  
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)  
Wilayah Pantai Timur